



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	19/7/2019	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Dungun

Belakang badan dijilat harimau



Badan dijilat dan hampir diterkam harimau belang menjadi detik mencemaskan penduduk di Kampung Besul Lama Bukit Besi di sini, susulan kehadiran haiwan itu di kampung terbabit semalam.

Mohamad Harun, 61, berkata, dia nyaris menjadi mangsa ketika mengetuk kuat kepala harimau belang jantan yang menjilat belakangnya dalam kejadian jam 1.30 tengah hari.

“Ketika saya membaiki rumah, saya memegang tangga sambil mendongak ke atas melihat anak (Amizan, 22) membaiki bumbung rumah.

“Bagaimanapun,

belakang saya tiba-tiba terasa basah seperti dijilat dan saya menyangka anak bongsu bermain di belakang.

“Selepas dua kali mengetuknya, saya terasa ia berbulu dan sebaik menoleh, saya terkejut apabila melihat harimau belang jantan setinggi kira-kira satu meter di belakang,” katanya.

Dia yang terkejut melihat harimau terus menjerit dan berlari masuk ke dapur manakala anaknya terjun ke bawah dan menyelamatkan diri masuk ke dalam rumah.